



16 JUL, 2024

Karbon: Sabah antara empat negeri berpotensi

Harian Ekspres (KK), Malaysia



Page 1 of 2

Karbon: Sabah antara empat negeri berpotensi

KUALA TERENGGANU: Kerajaan setakat ini mengenal pasti empat negeri iaitu Terengganu, Pahang, Sabah dan Sarawak yang berpotensi menjadi peneraju dalam industri pemerangkapan, penggunaan dan penyimpanan karbon (CCUS) di negara ini, kata Menteri Ekonomi Rafizi Ramli.

Beliau berkata ini berikutan kesemua negeri berkenaan mempunyai telaga minyak yang sudah tidak digunakan dan turut memiliki fasiliti terminal sedia ada bagi menjalankan aktiviti CCUS.

“Oleh itu, Kementerian Ekonomi sedang bekerjasama dengan negeri-negeri ini untuk memastikan semua berjalan dengan baik. Yang mana (laksanakan) dahulu, semua itu bergantung kepada kesediaan komersial setiap projek,” katanya kepada pemberita selepas sesi libat urus bersama kerajaan negeri Terengganu mengenai pelaksanaan inisi-

atif CCUS di Malaysia di Wisma Darul Iman, di sini, Ahad.

Rafizi berkata CCUS sebagai antara projek rintis dalam Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Kebangsaan merupakan industri berimpak tinggi dan dijangka memberi limpahan ekonomi kepada negeri yang terlibat.

Menurutnya Terengganu adalah antara negeri yang boleh menjadi peneraju untuk melaksanakan CCUS, memandangkan terdapat telaga minyak di luar pesisir pantai dan fasiliti terminal sedia ada di Kerteh.

“Kita sedia maklum pelaburan untuk setiap satu fasiliti CCUS yang lengkap, daripada terminal hingga ke luar pesisir pantai selalunya dalam lingkungan RM20 bilion. Jadi, itu sebenarnya potensi yang ada untuk pelaburan yang (membawa) kesan limpahan ekonomi kepada Terengganu jika kita berjaya menyusun dengan

baik.

“Oleh itu, di peringkat kerajaan Persekutuan, kita melihat potensi sedia ada di Kerteh untuk dikembangkan melebihi daripada industri berasaskan petrokimia dan minyak yang sedia ada. CCUS dapat menjadi pemangkin kepada kemajuan industri berat baharu di Terengganu,” katanya.

Menurutnya buat masa ini kerajaan sedang memuktamadkan rang undang-undang berkaitan CCUS sebelum dibentangkan di Parlimen pada November ini agar keputusan penting mengenai pelaksanaan industri itu di Malaysia dapat dimuktamadkan pada 2025.

Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri yang terlibat turut berperanan sebagai pemudah cara antara pengendali industri CCUS seperti Petroliaam Nasional Bhd (Petronas) dan pelanggan termasuk pelabur asing, katanya. – Bernama